

'Corak hidup kami tidak akan berubah'

DATIN SRI DR.
SITI HASMAH

DDATIN Sri Dr. Siti Hasmah menyatakan bahawa corak hidup keluarganya tidak akan berubah walaupun suaminya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sudah menjadi Perdana Menteri.

"Hakikat bahawa suami saya adalah Perdana Menteri sekarang tidak akan merobah corak hidup kami dan saya rasa dari segi layanan dan tanggungjawabnya sebagai bapa dan suami, tidak banyak bezanya dahulu ataupun sekarang," katanya.

Beliau menceritakan

bahawa semasa menjadi doktor dahulu, suaminya itu sering meninggalkan rumah, tidak kira siang atau malam, untuk merawat pesakit-pesakit dan kini sebagai Perdana Menteri, tanggungjawabnya semakin berat. bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga negara.

"Saya rasa disebabkan saya juga seorang doktor dan pernah meninggalkan rumah untuk berkhidmat kepada rakyat, saya sudah biasa dengan keadaan itu," katanya.

Bercakap dalam satu interbiu di rumahnya baru-baru ini, Datin Sri Dr. Siti Hasmah men-

OLEH: FARIDAH IBRAHIM

ceritakan detik-detik pergaulannya dengan Datuk Sri Dr. Mahathir semasa sama-sama menuntut ilmu perubatan di King Edward VII College of Medicine, Singapura.

"Tidak pernah terlintas dalam hati saya doktor muda yang saya kahwini sejak 25 tahun dahulu, pada satu hari menjadi Perdana Menteri.

"Saya telah memilihnya sebagai suami saya dan sehingga ini saya tidak pernah menyesali

keputusan yang telah saya buat ketika itu," katanya.

Ditanya sama ada pernah terfikir olehnya bahawa satu hari nanti beliau akan menjadi Wanita Pertama Malaysia, beliau berkata, "Saya mengahwini seorang doktor dan bukan seorang menteri."

"Bagaimanapun, saya bersyukur kepada Tuhan atas rahmatNya dan berterima kasih pada rakyat yang telah menerima suami saya sebagai pemimpin mereka," ujar

Datin Sri Dr. Siti Hasmah dalam satu wawancara khas dengan para pemberita di kediamannya di sini baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, kerukunan rumahtangga mereka berlandaskan dua faktor penting iaitu kejujuran dan kepercayaan.

"Inilah yang membuat kami saling memahami, ditambah pula dengan profesion kedokteran yang pernah kami pegang membuat kami mempunyai pendapat dan pemikiran yang se-aliran," katanya.

Menurut beliau, Datuk Sri Dr. Mahathir adalah seorang yang tegas dalam segala hal baik dari segi pendirian maupun pemikiran.

"Tetapi di sebalik kekerasan dan ketegasan itu, beliau adalah seorang yang penyabar, penyayang dan rasional yang membuat orang ramai dapat menerima dan mendampinginya," tambah beliau.

Menceritakan kembali detik-detik pertemuannya dengan Datuk Sri Dr. Mahathir ketika mereka sama-sama menuntut di King Edward VII College of Medicine, Singapura beliau berkata, "Dr. Mahathir seorang yang pemalu tetapi kuat semangat dan baik hati, manakala saya sendiri suka bergaul dan bercakap."

Di sebalik sifatnya yang pemalu, Datuk Sri Dr. Mahathir, 23 tahun ketika itu begitu aktif dalam politik dan merupakan "orang kuat" dalam kesatuan pelajar

bilangannya anak-anak Melayu, seorang wanita dan tujuh lelaki, kami lebih bersatu padu dan saling membantu antara satu sama lain.

"Dr. Mahathir adalah antara penuntut yang paling bijak dalam kelas dan sentiasa membantu saya dalam pelajaran. Setiap kali beliau mula mengajar, Dr. Mahathir kelihatan begitu sabar, tetapi setelah diajarnya berkali-kali dan saya masih belum faham, beliau akan hilang kesabarannya dan akan memarahi saya hingga saya menangis.

"Entahlah, bagaimana saya boleh mengahwini 'doktor muda' itu, tak tahulah saya," ujar Datin Sri Dr. Siti Hasmah sambil berseloroh.

Kedua-dua mereka telah melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, Singapura pada tahun 1947, yang mana Datuk Sri Dr. Mahathir tamat kursusnya dalam tahun 1953 dan Datin Sri Dr. Hasmah, 1955.

Mereka berkahwin pada 5 Ogos 1956 selepas tiga tahun bertunang. Dari perkahwinan selama 25 tahun itu, mereka mempunyai lima orang anak, Marina, 24, yang kini bertugas di Berita Publishing, Mirzan, 23, Malinda, 21, Mukhsani, 20 dan Mukhris,

16, kesemuanya masih menuntut.

Anak keenam dari keluarga sepuluh orang adik-beradik, Datin Sri Dr. Siti Hasmah yang dilahirkan di Kelang, Selangor sejak kecil bercita-cita untuk menjadi seorang wartawan.

Bagaimanapun, beliau telah menukar cita-citanya dan berazam untuk menjadi doktor ketika berada di tingkatan lima di Sekolah Menengah Pudu apabila beliau mendapati rakyat banyak menderita di bawah jajahan Jepun ketika itu.

Bapanya, Allahyarham Mohamed Ali Taib, seorang pegawai Suruhanjaya Pentadbiran Awam dan keluarganya lebih-lebih lagi abangnya Tun Ismail Ali (bekas Gabenor Bank Negara) telah banyak mendorongnya untuk menjadi seorang doktor.

"Untuk mencapai cita-cita saya itu, tidak semudah yang saya fikir-

kan, lebih-lebih lagi saya yang tidak begitu bijak dan sentiasa saja gagal dalam peperiksaan kursus kedokteran," kata Datin Sri Dr. Siti Hasmah.

"Sehingga sekarang, walaupun saya telah pun menjadi seorang doktor, suasana cemas dan berpeluh di saat-saat menghadapi peperiksaan masih terasa dan termimpi-mimpi," ujar beliau.

Ditanya sama ada beliau mahu mengekalkan tugasnya sebagai penyarah sambilan di Institut Kesihatan Umum sekarang ini, beliau memberitahu, "Saya telah pun berbincang dengan suami saya dan beliau membenarkan. Lagi pun saya hanya memberi kuliah dua jam dalam seminggu."

Beliau seperti Datuk Sri Dr. Mahathir suka menulis di masa lapangnya lebih-lebih lagi mengenai kesihatan dan perbidanan. Baru-baru